



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERLUASAN SISTEM PENGAKUAN SALAH KES TRAFIK SECARA DALAM TALIAN
(SISTEM e-PG) KE MAHKAMAH MAJISTRET KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, SELANGOR
DAN NEGERI SEMBILAN MULAI 1 APRIL 2021**

Bermula bulan Februari 2021 yang lalu, Badan Kehakiman Malaysia telah pun melancarkan Sistem Pengakuan Salah Kes Trafik Secara Dalam Talian (Sistem e-PG) secara rintis di Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor, Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, Mahkamah Majistret Seremban dan Mahkamah Majistret Alor Setar.

Lanjutan daripada itu, Sistem e-PG ini seterusnya akan diperluaskan secara menyeluruh ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan juga Negeri Sembilan bermula 1 April 2021.

Sehubungan itu, Orang Kena Saman (OKS) yang mempunyai kes yang didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah tersebut boleh mengakses sistem e-PG di <https://ecourt.kehakiman.gov.my> pada tarikh sebutan pertama kes. OKS juga boleh menyemak senarai kausa kes dan semakan status pendaftaran kes saman trafik secara dalam talian melalui pautan <https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/CauseList> dengan memasukkan lokasi Mahkamah serta tarikh sebutan kes.

Orang awam dan peguam yang ingin lebih memahami tatacara prosiding dan menggunakan Sistem e-PG boleh layari Portal rasmi Badan Kehakiman Malaysia di www.kehakiman.gov.my untuk maklumat lanjut atau merujuk kepada email : ecourts.helpdesk@omesti.com atau talian 03 – 27331313.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman

Putrajaya

Tarikh: 31 Mac 2021